




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 295 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 47,737 kes. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Putatan. Takziah diucapkan kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 419 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 43,628 orang. Sejumlah 2,618 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 772 orang di hospital, 1,844 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan dua (2) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 95 orang dan 26 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah dicatatkan

- 4 Pada hari ini, **satu (1) kluster baharu** dilaporkan:
- Kluster Jalan Sulaman, Kota Kinabalu** telah mencatatkan pertambahan enam (6) kes baharu dan menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 23 kes. Kes indeks merupakan kakitangan sebuah pasar raya di Sulaman yang dikesan positif hasil ujian saringan individu bergejala. Susulan kes tersebut, hasil saringan kontak rapat dan tempat kerja mendapati 21 lagi kes positif COVID-19 dikesan.
- 5 Daripada 295 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 211 kes (71.5%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 55 kes (18.6%), saringan kluster baharu dan sedia ada 10 kes (3.4%), saringan pra kemasukan wad sebanyak enam (6) kes (2.0%), kluster masuk asrama dua (2) kes (0.7%), dan 11 kes (3.8%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,084 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,322 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara pula kekal 1,100 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,506 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 40.24%.
- 7 Terdapat pengurangan kapasiti sebanyak 298 katil untuk pesakit covid di negeri Sabah pada hari ini iaitu:
- i. Satu (1) wad di Hospital Duchess of Kent (HDOK) tidak digunakan menyebabkan kapasiti berkurang sebanyak 28 katil.
  - ii. Kapasiti di PKRC Taman Sri Sapagaya telah berkurang sebanyak 252 katil dan PKRC Kudat Rest House berkurang sebanyak 18 katil disebabkan sebahagian katil telah diserahkan kepada pihak kesihatan daerah masing-masing untuk dijadikan pusat kuarantin.
  - iii. Fasiliti hospital dan PKRC sedia ada di Sabah masih lagi mampu untuk menerima dan merawat pesakit COVID-19 dengan selesa dan selamat.

## B **BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sehingga hari ini, sebanyak **322,749** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

## **C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 47,894 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 153 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 38 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 42 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 11 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan sembilan (9) premis, di enam (6) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Keningau, Tambunan, Sandakan, Semporna dan Tawau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 116 lokasi di 17 daerah dengan hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu.

## **D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.55%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH        | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1   | Sipitang      | 95%     |
| 2   | Kota Belud    | 94%     |
| 3   | Ranau         | 94%     |
| 4   | Kunak         | 94%     |
| 5   | Tenom         | 94%     |
| 6   | Beluran       | 94%     |
| 7   | Kota Marudu   | 93%     |
| 8   | Kinabatangan  | 93%     |
| 9   | Beaufort      | 93%     |
| 10  | Tuaran        | 93%     |
| 11  | Keningau      | 93%     |
| 12  | Kudat         | 92%     |
| 13  | Papar         | 92%     |
| 14  | Sandakan      | 92%     |
| 15  | Semporna      | 92%     |
| 16  | Kota Kinabalu | 91%     |
| 17  | Penampang     | 91%     |
| 18  | Lahad Datu    | 91%     |
| 19  | Tawau         | 91%     |

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi membendung penularan pandemik COVID- 19.

**#kitajagakita #normabaharu**

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
27 Januari 2021**